



UCAPAN ALUAN MAJLIS SAMBUTAN HARI KELUARGA RISDA 2008

OLEH
DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN
KETUA PENGARAH RISDA

TEMPAT: DESA WATERPARK, KUALA LUMPUR
TARIKH : 22 JUN 2008
MASA : 8.35 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Tan Sri Rahim Tamby Chik
Pengerusi RISDA serta Yg. Berbahagia Puan Sri Zabedah bt
Abdullah

Yang Berbahagia Dato' Rahmah Kasim
Ahli Pihak Berkuasa RISDA

Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman
Ahli Pihak Berkuasa RISDA

Dato' Hj. Ali Nordin bin Wahiduddin
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) serta Isteri

Tn. Hj. Wan Mohamad Zuki bin Hj. Mohamad
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat) merangkap
Pengerusi Jawatan Kuasa Induk Hari Keluarga RISDA 2008 serta
Isteri

Pengarah-pengarah Bahagian RISDA serta keluarga

Pengurus-Pengurus Besar Anak Syarikat RISDA serta keluarga

Pengarah RISDA Negeri serta keluarga

Tuan-Tuan dan Puan-Puan warga RISDA serta keluarga

Dan tidak lupa juga kepada wakil-wakil media yang turut
memeriahkan Majlis kita pada hari ini.

3

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

1.0 PENGHARGAAN

1. Marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, dapat kita hadir bersama-sama dalam Majlis Sambutan Hari Keluarga RISDA 2008 yang bertemakan '**Riang Ria bersama keluarga**' di Desa Waterpark yang serba indah dan ceria pada hari ini. Warna pilihan kita pada kali ini adalah jingga yang turut melambangkan keceriaan. Saya mengambil kesempatan ini untuk

4

mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berbahagia Tan Sri Rahim Tamby Chik, Pengerusi RISDA yang baru serta Yang Berbahagia Puan Sri Zabedah bt Abdullah kerana sudi melapangkan masa untuk bersama-sama kita semua dan seterusnya merasmikan Hari Keluarga RISDA 2008 pada hari ini.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini mengalu-alukan kedatangan semua anggota RISDA dan anak syarikat serta ahli-ahli keluarga. **Kita mempunyai dua sebab untuk bergembira pada hari ini.** Yang pertama ialah dengan **kehadiran Yang**

5

Berbahagia Tan Sri Rahim Tamby Chik, Pengerusi RISDA yang baru bersama Yang Berbahagia Puan Sri Hj. Zabedah bagi melengkapkan keluarga RISDA. Ramai anggota RISDA yang masih belum bertemu Tan Sri dan ini merupakan satu peluang keemasan untuk mereka berkenalan dengan Tan Sri. Bak kata pepatah melayu 'Tak kenal maka tak cinta'. Bagi pihak RISDA, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri dan juga Puan Sri. **Sebab yang kedua adalah kejayaan mencipta sejarah kehadiran keluarga RISDA yang paling ramai pada sambutan hari ini iaitu seramai lebih kurang 2,575 orang!** Sambutan pada tahun amat

6

menggalakkan jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya.

2.0 TUJUAN HARI KELUARGA

Tujuan RISDA untuk mengadakan Majlis Sambutan Hari Keluarga sebagai satu event tahunan ini adalah untuk mengukuhkan kembali institusi kekeluargaan dengan menjalin dan mengeratkan hubungan mesra antara Pegawai dan kakitangan RISDA dengan ahli-ahli keluarga masing-masing. Institusi keluarga juga

7

merupakan paksi ataupun tiang utama kehidupan warga RISDA dan secara tidak langsung semuanya terlibat sama dalam mencetuskan organisasi RISDA yang cemerlang melalui semangat 'teamwork' dan keseronokan bekerja.

3. PENGISIAN SAMBUTAN

Pelbagai acara telah diatitkan hari ini untuk semua peringkat ahli keluarga. Sebanyak 8 jenis acara Sukaneka disediakan untuk memeriahkan lagi suasana Hari Keluarga. Di samping itu,

8

Senamrobik/poco-poco, pertandingan karaoke serta Cabutan nombor bertuah juga disediakan.

Saya berharap semua anggota RISDA serta ahli keluarga akan mengambil bahagian dan bersama-sama kita bergembira pada hari ini dan melupakan buat sementara segala tekanan dan beban tugas yang menunggu di Pejabat.

9

4. PENUTUP

Saya tidak berniat berucap panjang kerana tuan-tuan dan puan-puan terutama anak-anak sudah tentu tidak sabar lagi untuk menyertai acara sukaneka yang akan diadakan sebentar lagi. Dan sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berbahagia Tan Sri dan Puan Sri kerana sudi untuk hadir bersama-sama kita pada hari ini. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengurusan Desa Waterpark yang telah menguruskan dengan baik segala kemudahan dan acara pada

hari ini. Juga kepada Tn Hj. Wan Mohamad Zuki dan Tn Hj. Wan Ahmad Shabari serta crewnya yang telah bekerja kuat untuk menjayakan Majlis Sambutan Hari Keluarga RISDA pada hari ini.

Kepada semua, just be happy and have fun!

Sekian. Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.